



## **SIARAN MEDIA**

*Kuala Lumpur, 8 November 2017*

### **Penyelia Pasaran Modal Serantau Lancar Piawaian Bon Hijau ASEAN Bagi Memacu Pelaburan Mampan**

Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF) pada hari ini mengadakan Persidangan Pasaran Modal ASEAN yang pertama di Kuala Lumpur, Malaysia.

Bertemakan "Memperkuatkan Keterhubungan Pasaran Modal ASEAN", persidangan tersebut dihadiri oleh lebih 300 peserta dari rantau ini yang terdiri daripada pengeluar, pelabur, perantara, pengawal selia dan pakar daripada institusi seperti Bank Pembangunan Asia, Bank Pelaburan Infrastruktur Asia, Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa (ICMA) dan Bank Dunia.

Turut hadir dalam persidangan tersebut adalah wakil daripada Brunei Darussalam termasuk Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), sebagai pengawal selia pasaran modal di negara ini dan ahli ACMF, BIBD Securities Sdn Bhd, CIMB Investment Bank Berhad (Brunei Branch) and Standard Chartered Securities Sdn Bhd, sebagai ahli Persatuan Pasaran Modal Brunei Darussalam (BCMA). Ini menunjukkan komitmen negara dalam memupuk dan memperkuatkan hubungan ekonomi dan social dalam blok ASEAN.

Sesi panel di Persidangan itu membincangkan topik-topik yang bertumpu kepada pertumbuhan dan peluang di rantau ini termasuk infrastruktur dan pembiayaan hijau, tadbir urus korporat dan dinamik pasaran yang berubah-ubah di dalam era pendigitan.

Pelancaran Piawaian Bon Hijau ASEAN (AGBS) diadakan bersempena Persidangan tersebut. AGBS telah dibangunkan berdasarkan Prinsip-Prinsip Bon Hijau (GBP) ICMA yang disesuaikan untuk memenuhi keperluan dan komitmen ASEAN. Label AGBS hanya akan diguna pakai oleh para pengeluar dan projek di rantau ini, dan secara khusus tidak termasuk projek berkaitan dengan bahan api fosil.

Satu kajian bersama baru-baru ini oleh Bank Dunia dan ACMF telah mengesahkan potensi besar bagi pembiayaan hijau di ASEAN di mana terbitan bon hijau global dijangka meningkat kepada US\$1 trilion menjelang 2020.

Dengan pelancaran piawaian AGBS, pihak AMBD menggalakkan penggunaan piawaian tersebut dan mengalu-alukan pengeluaran pembiayaan hijau untuk projek-projek pembangunan infrastruktur di negara ini yang boleh menyumbang kepada memupuk keselamatan dan pemeliharaan jangka panjang persekitaran kita.

Ranjit Ajit Singh, Pengerusi ACMF berkata, "ASEAN mesti berkembang secara bertanggungjawab dan mampan. Pertumbuhan tidak akan tercapai dengan memudarangkan generasi masa hadapan kita. Kita perlu menyokong usaha-usaha untuk melindungi alam sekitar dan Piawaian Bon Hijau ASEAN akan membantu dalam peruntukkan sumber ke arah pelaburan yang mesra alam. Sukacita saya juga mengumumkan bahawa Securities Exchange Commission (SEC) Filipina telah memberi komitmen untuk menandatangan *Memorandum of Understanding* (MOU) ASEAN mengenai Skim Pelaburan Kolektif (CIS) yang juga turut disertai oleh Singapura, Malaysia dan Thailand.

"Pada masa yang sama, dalam Mesyuarat ACMF ke-27 kelmarin, ACMF juga bersetuju untuk memudahkancaarkan lebih banyak mobiliti para profesional pasaran modal. Inisiatif ini akan membuka ruang yang membolehkan para profesional yang dilesenkan oleh ahli ACMF untuk menyediakan perkhidmatan tertentu dalam kalangan bidang kuasa terbabit tanpa perlu memenuhi keperluan-keperluan tambahan," Ranjit menambah.

Martin Scheck, Ketua Eksekutif ICMA, mengulas, "Kami mengalu-alukan penajaran AGBS dan GBP, yang menggambarkan sebuah garis panduan sukarela di peringkat antarabangsa yang mencadangkan ketelusan dan penzahiran, dan menggalakkan integriti dalam pasaran bon hijau. Tahniah di atas inisiatif unggul ACMF ini untuk memperkenalkan AGBS, dan menggalakkan pembangunan Bon Hijau ASEAN serta keserasiannya dalam pasaran antarabangsa.

Permodalan Nasional Berhad (PNB), melalui anak syarikat milik penuhnya, PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd, merupakan pengeluar pertama di rantau ini yang telah berikrar untuk mengguna pakai AGBS bagi terbitan sukuknya untuk membiayai pembinaan Menara Warisan Merdeka, bangunan ketiga tertinggi di dunia apabila siap.

ACMF kekal komited untuk meningkatkan keterhubungan ASEAN dan memudahkancaara pembangunan penyelesaian pasaran dengan mengadakan pembabitan dan kerjasama dengan pihak industri dan pihak berkepentingan melalui dialog. Ia juga akan meningkatkan interaksinya bersama Panel Perundingan Industri yang ditubuhkan untuk mengumpulkan input industri ke dalam cadangannya.

-Tamat-

**Nota kepada Penyunting:**

- ACMF adalah kumpulan pengawal selia pasaran modal dari semua 10 bidang kuasa ASEAN, iaitu Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.
- Autoriti Monetari Brunei Darussalam adalah ahli kepada ACMF sejak pertubuhannya pada tahun 2011.
- Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) ditubuhkan pada tahun 2015 dan menjadi tonggak penting dalam agenda integrasi ekonomi serantau. ASEAN mempunyai penduduk gabungan lebih 622 juta orang dan pada tahun 2014, secara kolektif merupakan ekonomi ketiga terbesar di Asia dan yang ketujuh terbesar di dunia.

- Maklumat lanjut tentang ACMF dan inisiatifnya boleh didapati di laman web ACMF [www.theacmf.org](http://www.theacmf.org).
- Untuk memuat turun satu Salinan Piawaian ASEAN Green Bond Standards, sila lawati [http://www.theacmf.org/ACMF/upload/ASEAN\\_Green\\_Bond\\_Standards](http://www.theacmf.org/ACMF/upload/ASEAN_Green_Bond_Standards)

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Maz Khairunnisa Mohidin

Capital Market Unit

Telefon: +673 8650441 / +673 2380063

Email: [khairunnisa.mohidin@ambd.gov.bn](mailto:khairunnisa.mohidin@ambd.gov.bn)